

**NO. SOALAN : 89**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
[ HULU LANGAT ]**

**TARIKH : 16 MEI 2016**

**SOALAN :**

**YB. Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan adakah Kementerian masih berhasrat mempromosi tarian kebudayaan seperti Mak Inang, Zapin, Piring dan lain-lain dalam memperkenalkan budaya kita kepada pelancong dan anak-anak muda Malaysia melalui pementasan dan persembahan dalam TV1 dan TV2.**

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) sentiasa berusaha mempromosikan tarian-tarian tradisional seperti Mak Inang, Zapin, Tari Piring serta lain-lain tarian dalam usaha memperkenalkan budaya kita kepada pelancong dan anak-anak muda melalui persembahan di TV1 dan TV2.

Pada tahun 2015, JKKN telah mengadakan sebanyak 906 persembahan kesenian di seluruh Malaysia dengan 87 daripadanya dibuat liputan televisyen yang mana telah mempromosikan seni tradisional kepada pelbagai segmen masyarakat dan para pelancong. Pada tahun 2015 juga, JKKN dengan kerjasama RTM telah menerbitkan program Lantai Cilik yang disiarkan oleh RTM melalui 7 slot siaran rakaman dan 1 slot siaran langsung. Program ini telah memberi peluang kepada penglibatan golongan remaja untuk menguji bakat dan kebolehan menari tarian-tarian Malaysia. Rancangan ini turut menghasilkan peningkatan segmen penonton daripada kalangan kanak-kanak dan remaja.

Pada tahun 2016, sebanyak 715 persembahan telah disasarkan sebagai usaha memperkenalkan budaya Malaysia yang akan terus mempromosikan seni tari tradisional Malaysia kepada golongan remaja dan para pelancong menggunakan pelbagai media termasuk TV1 dan TV2.

Sekian, terima kasih.